

Terjemahan kolokasi Bahasa Arab dalam Al-Quran: Analisis perbandingan terjemahan tafsir pimpinan Ar-Rahman dan Google Translate

[Translation of Arabic Collocations in the Quran: A comparative analysis of the translation Tafsir Pimpinan Ar-Rahman and Google Translate]

Nur Arisya Hazman^{1*}, Mohamad Rofian Ismail²

¹ *(Corresponding Author) Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)
E-mail: arisyahazman98@gmail.com

² Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)
E-mail: mohdrofian@uis.edu.my

Received date: 16/01/25

Acceptance date: 04/02/25

Available Online: 23/04/25

ABSTRAK

Kolokasi adalah kombinasi antara dua makna yang berlainan tetapi memiliki hubungan antara satu sama lain. Dalam bidang terjemahan, kolokasi merupakan aspek yang amat penting untuk diperhatikan oleh penterjemah. Ketepatan dalam menterjemahkan kolokasi sangat mempengaruhi kualiti terjemahan yang dihasilkan. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif berdasarkan analisis dokumen dan perbandingan. Kajian ini bertujuan menghuraikan terjemahan kolokasi bahasa Arab menggunakan 'Google Translate' dan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman serta menilai sejauh mana ketepatan atau keberkesanan terjemahan kolokasi bahasa Arab menggunakan 'Google Translate'. Sampel kajian ini diambil daripada jurnal *Indonesian Journal of Islamic Studies and Humanities*, Vol. 1 No. 1 (2020) yang bertajuk "Pengumpulan data banyak melibatkan Google Translate, jurnal-jurnal, tesis, dan rujukan tafsir Pimpinan Ar-Rahman." Hasil kajian ini mendapati bahawa Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dapat menterjemahkan maksud ayat dengan baik, manakala terjemahan Google Translate menunjukkan terdapat kesukaran dalam memahami dari segi konteks ayat dan makna yang jelas.

Kata Kunci: kolokasi, perbandingan terjemahan, bahasa Arab

ABSTRACT

Collocation refers to a combination of words that frequently appear together and have a specific relationship in meaning. In the field of translation, collocation is a very important aspect for translators to pay attention to. Accuracy in translating collocations greatly affects the quality of the translation produced. This study is in the form of a qualitative study based on document analysis and comparison. This study aims to describe the translation of Arabic collocations using 'Google Translate' and Tafsir Pimpinan Ar-Rahman as well to assess the extent of the accuracy or effectiveness of Arabic collocation translations using Google Translate. The sample of this study was taken from the journal *Indonesian Journal of Islamic Studies and Humanities*, Vol. 1 No. 1 (2020), which is titled "Data collection involves a lot of Google Translate, journals, thesis, and references to Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. The results of this study found that Tafsir Pimpinan Ar-

Rahman can translate the meaning of the sentence well, while the Google Translate translation shows that there is difficulty in understanding in terms of the context of the sentence and clear meaning.

Keywords: collocation, translation comparison, Arabic

PENDAHULUAN

Al-Quran ialah kalamullah yang mengandungi mukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril A.S., ditulis dalam mashaf, dipindahkan kepada kita secara mutawatir dan menjadi ibadat dengan membacanya. Susunan al-Quran terdiri daripada cantuman 28 huruf Hijaiyah yang mana keseluruhan al-Quran mengandungi 323,671 huruf, 77,437 kalimah, 6,236 ayat, 114 surah, 30 juzuk, 60 hizib dan 240 maqra' (Ahkam al-Tajwid wa Fada'il al-Quran, 2013).

Kolokasi adalah gabungan kata yang sering muncul bersama dalam sebuah bahasa. Kolokasi amat penting dalam bahasa, kerana pemilihan kata yang tepat akan membuat sesuatu pertuturan atau tulisan lebih mudah difahami. Secara umumnya, kolokasi terdapat dalam semua bahasa termasuk bahasa Arab. Menurut Amani Nawi et al. (2022) kolokasi dalam bahasa Arab disebut sebagai al-Mutalazimat. Al-Mutalazimat iaitu merujuk kepada sesuatu perkataan yang mempunyai hubungan yang sangat erat dan kekal, di mana kedua-dua kata tersebut sering digunakan bersama dalam konteks tertentu (Abu al-Rabb, 2017). Menurut Ab. Halim Muhammad dan Che Radiah Mezah, (2007), aspek kolokasi dalam bahasa Arab dapat diperincikan sebagai kolokasi antara kata kerja dan kata nama, antara kata nama atau frasa seperti frasa idafah (المضاف والمضاف إليه), dan frasa sifat (الصفة والموصوف) dan antara kata nama dan partikel serta kata kerja dan partikel.

Kolokasi dan terjemahan merupakan dua perkara yang saling berkait. Penterjemahan dianggap sebagai disiplin ilmu dan juga satu aktiviti yang melibatkan pengalihan makna daripada satu bahasa ke bahasa lain (Norsyazwan Muhammad Alhad et al., 2021). Proses penterjemahan ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, seperti terjemahan lisan dan bertulis. Terjemahan secara lisan adalah seperti terjemahan berturut-turut atau serentak. Manakala terjemahan tulisan iaitu, terjemahan buku dan dokumen rasmi. Cabaran sebagai seorang penterjemah adalah mengekalkan makna asal teks dengan memastikan bahasa sasaran mudah difahami. Oleh itu, kefahaman yang mendalam berkaitan kolokasi sangat penting bagi menghasilkan terjemahan yang tepat dan berkualiti. Aktiviti penterjemahan memainkan peranan penting bagi pembangunan dan kemajuan tamadun manusia. Selain itu, terjemahan juga membantu dalam memelihara dan memperkenalkan budaya serta warisan seni dari satu negara ke negara lain. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Naimah et al. (2009), penterjemahan dapat memudahkan masyarakat untuk memperoleh ilmu pengetahuan, karya sastera, dan penemuan ilmiah dari seluruh dunia.

Dalam era globalisasi kini, kemajuan teknologi memainkan peranan penting dalam memudahkan proses terjemahan dan pembelajaran bahasa. Dengan itu, penggunaan mesin (*machine translation*) semakin meluas digunakan oleh penterjemah. Antara terjemahan mesin (*machine translation*) yang kini digunakan adalah Google Translate yang mampu memberi makna perkataan, frasa, dan ayat dengan cepat tanpa perlu merujuk kepada kamus am, kamus istilah, tesaurus dan sebagainya. Seterusnya,

Google Translate juga menawarkan terjemahan teks lebih daripada 50 buah bahasa secara percuma dan mudah dilayari di mana-mana sahaja (Faezah et al., 2015). Namun, meskipun teknologi memberi banyak kemudahan, peranan penterjemah manusia tetap penting, terutamanya dalam situasi yang memerlukan pemahaman mendalam tentang konteks budaya, gaya penulisan, atau komunikasi yang lebih halus. Justeru, teknologi dan penterjemahan manusia saling melengkapi dalam era globalisasi ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian dijalankan bagi tujuan berikut:

1. Menghuraikan terjemahan kolokasi bahasa Arab menggunakan 'Google Translate' dan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman.
2. Menilai sejauh mana ketepatan atau keberkesanan terjemahan kolokasi Bahasa Arab menggunakan 'Google Translate'.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif deskriptif dan perbandingan. Sehubungan dengan itu, pengkaji memilih tajuk "Terjemahan Kolokasi Bahasa Arab dalam Al-Quran: Analisis Perbandingan Terjemahan Kolokasi Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dan Google Translate" sebagai topik kajian. Pemilihan data kajian dibuat berdasarkan sumber daripada *Journal of Islamic Studies and Humanities (Vol. 1 No. 1, 2020)* bagi memastikan data yang dianalisis mempunyai nilai linguistik dan semantik yang relevan untuk tujuan perbandingan terjemahan. Selepas itu, pengkaji menganalisis kesemua sampel tersebut dengan melihat kepada kesepadanan terjemahan bagi kolokasi serta membuat perbandingan. Pemilihan sampel kajian ini melibatkan lima ayat al-Quran yang mengandungi kolokasi bahasa Arab dipilih berdasarkan kekerapan dan kepentingan kolokasi dalam menyampaikan makna, serta sesuai untuk dianalisis dari sudut kesepadanan terjemahan antara Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dan Google Translate.

TINJAUAN LITERATUR

Definisi Kolokasi Bahasa Arab dan Kepentingan Kolokasi terhadap Terjemahan

Kolokasi bahasa Arab yang dikenali sebagai al- Mutalazimat al-Lafziyyah merujuk kepada perkataan yang muncul bersama-sama dengan perkataan, iaitu yang melibatkan perkaitan antara satu sama lain sama ada gabungan gramatikal dan leksikal. Istilah kolokasi dalam bahasa Arab disebut sebagai (التلازم اللفظي), (التلازم اللفظي), dan (تضام).

Istilah kolokasi (التلازم اللفظي), merujuk kepada kata-kata yang mengiringi kata tertentu (Uraidah Abdul Wahab, 2014). Menurut Fayid (2007) definisi kolokasi sebagai kelompok perkataan yang memiliki makna tertentu yang terkait secara erat dan kebiasaannya ditetapkan oleh peraturan khusus. Dengan kata lain, kolokasi bahasa Arab dalam konteks linguistik iaitu perkataan tertentu yang cenderung muncul bersama-sama dalam urutan yang membentuk makna yang khas (Uraidah Abdul Wahab, 2014).

Seterusnya, Ghazala (2004) menggunakan istilah المتلازمات اللفظية (*al-mutalazimat al-lafziyyat*) Selain itu, Hafiz (2004) menamakan kolokasi sebagai المتصاحبات (*al-*

mutasahibat) manakala Khujaliy (2004) telah menggunakan istilah المتواردات (*al-mutawaridat*). Di samping itu, istilah تلازم الألفاظ yang menunjukkan kemunculan perkataan bersama-sama dalam sebuah ayat (Ramzi Munir, 1990; Ahmad Mukhtar Umar, 1988). Tambahan pula, kolokasi bahasa Arab dikenali sebagai 'arbitrari' yang menunjukkan hubungan perkataan dalam kolokasi tidak dapat dijelaskan secara logik atau linguistik semata-mata, malahan kolokasi sering kali dipengaruhi oleh faktor-faktor budaya, adat dalam masyarakat yang menggunakan bahasa Arab. Dengan itu, kolokasi bahasa Arab yang dikenali sebagai al mutalazimat al lafziyyat merujuk kepada perkataan yang muncul bersama-sama dengan perkataan lain, iaitu yang melibatkan perkaitan antara satu sama lain sama ada gabungan gramatikal dan leksikal.

Menurut Al-Sughair (2007), kolokasi secara umumnya merupakan satu fenomena linguistik dalam sesuatu bahasa dan terjemahan. Seterusnya, kolokasi berpengaruh dalam aspek makna kontekstual dan sosial, serta kemungkinan yang wujud adalah masalah padanan apabila diterjemahkan daripada Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu (Saifullah Kamalie, 2010). Menurut Baker (1992) menterjemahkan kolokasi, idiom dan ungkapan tetap adalah cabaran yang utama bagi seorang penterjemah untuk mendapatkan makna perkataan yang sepadan dalam konteks ayat. Penterjemahan kolokasi merupakan tugas yang sukar, iaitu bukan sahaja menterjemahkan komponen kolokasi semata-mata, malah aspek semantik dan ciri-ciri budaya perlu diberi perhatian ((Sughair, 2011). Menurut Yaser Ibrahim (2003), terdapat beberapa masalah dalam menterjemahkan kolokasi antaranya ialah padanan, struktur semantik, kepelbagaian budaya dan ketidakbolehterjemah. Ketidakkemampuan penterjemah dalam mengenal pasti kolokasi akan menyebabkan penterjemah cenderung menterjemahkan perkataan secara harfiah seterusnya memberi kesan kepada semantik dan ujaran kepada pembaca sasaran (Hafiz Bakar, 2012). Oleh yang demikian, untuk menjadi penterjemah yang berkualiti perlulah menguasai aspek kolokasi secara mendalam supaya makna yang diterjemahkan tepat.

Terjemahan & Sorotan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Oleh Syeikh Abdullah Basmeih

Terjemahan berasal daripada perkataan al-tarjamah yang berasal daripada bahasa Proto-Semitik iaitu bahasa Arab yang merujuk kepada proses mentafsirkan perkataan lisan atau tulisan dari satu bahasa ke bahasa lain (Ab Rahman et al., 2022). Aktiviti terjemahan kini semakin meluas dan dianggap sebagai keperluan penting dalam perkembangan manusia kerana ia mampu memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai sesuatu budaya. Aktiviti terjemahan juga semakin pesat berkembang dalam bidang pendidikan, kerana ia memudahkan pengguna untuk mengakses pengetahuan daripada pelbagai bahasa, sekali gus memperkayakan pengalaman pembelajaran dan memperluas horizon pemikiran pelajar (Naimah Kamaruddin dan Harun Baharudin, 2016).

Bidang terjemahan kini tidak hanya menjadi perhatian ahli linguistik yang memberi tumpuan kepada teks agama, sastera, sains, dan falsafah sahaja, malah ia turut merangkumi keseluruhan khazanah pengetahuan manusia, khususnya dalam konteks hubungan politik dan komersial di seluruh dunia. Hal ini menunjukkan bahawa terjemahan kini memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang antara pelbagai bidang dan budaya. (Kahirunisa Sayed Ibrahim, 2008). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman mengenai Pengertian Al-Quran adalah tafsir yang telah dihasilkan oleh Abd Rahman Basmeih. Menurut (Subhi, 2013), tafsir ini digunakan secara meluas dalam kalangan

masyarakat Islam di Malaysia. Tafsir ini telah banyak diulang cetak dari tahun 1982 hingga 2010. Dalam menterjemah makna al-Quran, beliau merujuk tafsir-tafsir yang muktabar sama ada yang berbahasa Arab, Melayu dan Indonesia, seperti Jami' al Bayan oleh al-Tabari, Tafsir Al-Quran al-'Azim oleh Ibn Kathir, Tafsir al-Ruh al-Ma'ani oleh al-Alusi dan lain-lain. Selain itu, kitab hadis dan juga kamus Arab digunakan sebagai panduan menterjemah ayat-ayat al-Quran seperti Fath al-Bari oleh Ibn Hajar al-Asqalani dan lain-lain.

Terjemahan Google Translate

Seiring dengan peredaran zaman, kemajuan dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi memberikan kesan langsung dan tidak langsung kepada aktiviti penterjemahan hari ini (Md Yunos et al., 2023). Teknologi seperti perisian terjemahan automatik dan alat bantu terjemahan telah mempermudah proses penterjemahan, mempercepatkan penyampaian maklumat, dan membuka peluang untuk meningkatkan kecekapan serta ketepatan dalam terjemahan di pelbagai bidang. Penterjemahan mesin ialah sebuah proses penghasilan terjemahan teks sumber kepada teks sasaran dengan menggunakan aplikasi terjemahan automatik (Hj Md Yunos et al., 2023). Penggunaan terjemahan mesin dalam aktiviti terjemahan dilihat sebagai satu alternatif dan alat bantu terjemah dalam membantu mempercepatkan proses penterjemahan, terutamanya untuk teks yang besar atau berkaitan dengan urusan harian, serta memudahkan komunikasi antara pelbagai bahasa. Walau bagaimanapun, ia masih memerlukan sentuhan manusia untuk memastikan ketepatan konteks dan kesesuaian terjemahan dalam situasi yang lebih kompleks.

Google Translate adalah perkhidmatan yang tersedia di internet, disediakan oleh Google Inc., yang berfungsi untuk menterjemahkan teks dari satu bahasa ke dalam bahasa lain (Gunawan et al., 2022). Perkhidmatan ini menggunakan teknologi penterjemahan mesin untuk menganalisis dan menghasilkan terjemahan, menyokong pelbagai bahasa dari seluruh dunia. Menurut Adi Alam (2020), Google Translate digunakan sebagai alat bantu untuk memberi makna perkataan dalam bahan yang diajarkan kepada pelajar. Justeru, Google Translate merupakan terjemahan mesin yang digunakan oleh penterjemah untuk menterjemahkan sesuatu perkataan bahasa sumber kepada bahasa sasaran secara cepat, mudah dan percuma. Tambahan lagi, Google Translate juga digunakan untuk belajar pengucapan dan menambah kosa kata serta dapat menterjemah dari kata, frasa, klausa, ayat, malah hingga wacana. Walaupun penggunaan terjemahan mesin mudah dan cepat, kualiti hasil terjemahan mesin tetap berbeza berbanding terjemahan manusia.

Antara cabaran dalam menggunakan Google Translate adalah menterjemahkan terjemahan yang berkaitan dengan aspek semantik. Rentetan daripada kajian lepas, menunjukkan bahawa terdapat kesukaran dalam menterjemahkan banyak perkataan dengan terjemahan yang sempurna dan tepat (Muhammadul Bakir, Alif Sismat dan Ijlalina Yunos, 2020; Amin Baharun dan Naimah Abdullah, 2011). Kelemahan terjemahan mesin ialah tidak memahami makna yang dimaksudkan oleh teks sumber. Kesimpulannya, seorang penterjemah perlulah bijak dalam menterjemahkan sesuatu perkataan supaya makna yang diperoleh adalah tepat. Penterjemah disarankan untuk tidak mengharap proses terjemahan mesin semata-mata (Md Yunos et al., 2023). Oleh itu, penterjemah juga perlu bijak dalam pemilihan makna perkataan mengikut kesesuaian bahasa sasaran.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Untuk menelusuri terjemahan gaya bahasa kolokasi dalam al-Quran, perbandingan dilakukan antara dua terjemahan, iaitu al-Quran yang diterjemahkan oleh Mahmud Yunus dan terjemahan mesin oleh Google Translate. Perbandingan adalah untuk melihat pendekatan penterjemah menyampaikan maksud ayat tersebut. Data Bahasa sumber yang mengandungi kolokasi akan ditanda dengan garisan di bawah.

Pengkaji mengemukakan lima (5) terjemahan ayat al-Quran yang mengandungi unsur kolokasi sebagaimana berikut:

i. Surah Al-A'raaf Ayat 205

وَأَذْكُرْ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ بِالْغُدُوِّ وَالْأَصَالِ وَلَا تَكُن مِّنَ الْغَافِلِينَ

TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN	GOOGLE TRANSLATE
205. Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendah diri serta dengan perasaan takut (melanggar perintahNya), dan dengan tidak pula menyaringkan suara, <u>pada waktu pagi dan petang</u> . Dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai.	205. Dan ingatlah Tuhanmu dalam hatimu dengan merendahkan diri dan rasa takut, dan dengan tidak mengeraskan suara <u>pada waktu pagi dan petang</u> , dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang lalai.

Perkataan (بِالْغُدُوِّ وَالْأَصَالِ) dalam ayat ini merupakan kolokasi berbentuk *baina lahfazh zaman*.

Kedua-dua terjemahan telah menterjemahkan *kolokasi* (بِالْغُدُوِّ وَالْأَصَالِ) dengan makna yang sama, iaitu **'pada waktu pagi dan petang'**. Dalam kedua-dua terjemahan, kolokasi "pada waktu pagi dan petang" diterjemahkan secara literal tanpa sebarang perubahan atau penambahan. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua penterjemah memahami frasa ini dengan cara yang sama, tanpa perlu menyesuaikan atau memperhalusi maknanya

Teknik yang diterjemahkan dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dari segi keseleruhan teks ayat adalah pengayaan (*amplification*) dari segi konteks keagamaan serta domestikasi (*domestication*) yang menggunakan gaya bahasa Melayu yang lebih puitis dan dekat dengan pembaca tempatan. Manakala kaedah yang digunakan dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman adalah kaedah Tafsiran (Interpretive/Communicative Translation) yang mana terjemahan ini lebih memfokuskan kepada menyampaikan makna dan nuansa ayat dengan mengambil kira konteks budaya dan agama tempatan. Pemilihan gaya bahasa yang puitis dan halus seperti "tidak pula menyaringkan suara" mencerminkan teknik domestikasi, iaitu menyesuaikan terjemahan agar lebih dekat dengan pembaca Melayu (Newmark, 1988).

Google Translate menggunakan kaedah literal atau langsung, di mana struktur dan bentuk ayat asal dikekalkan sebanyak mungkin. Terjemahan ini bersifat lebih harfiah dan automatik, tanpa mengambil kira konteks budaya atau nuansa semantik yang mendalam. Contohnya, frasa "rasa takut" diterjemahkan secara langsung tanpa penjelasan tambahan, dan gaya bahasa seperti "mengeraskan suara" digunakan secara literal. Teknik penguguran turut berlaku, seperti

ketiadaan unsur tafsiran tambahan yang membantu pemahaman pembaca. Ini menggambarkan penggunaan kaedah terjemahan mesin yang berorientasikan bentuk, bukan makna (Hatim & Munday, 2004).

Terjemahan perkataan بِالْعُدُوِّ وَالْأَصَالِ adalah menunjukkan kebiasaan seorang hamba yang baik beribadat kepada dua waktu. Justeru, ini dimaksudkan sujudnya seorang hamba baik yang berakal atau yang tidak berakal untuk menunjukkan erti sebuah ketaatan dan kepatuhan kepada Allah SWT. Kesimpulannya, Allah menempatkan dua waktu tersebut sebagai waktu yang khusus kerana hati manusia sering lalai, dan ia perlu dihidupkan dengan sujud kepada Allah SWT. Walaubagaimanapun, kedua-dua penterjemahan menginterpretasikan terjemahan *kolokasi* dengan baik akan tetapi kurang tafsiran berkaitan perbuatan yang dilakukan pada waktu itu.

Kesimpulannya, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* lebih menekankan aspek makna, gaya, dan kefahaman dalam konteks pengguna bahasa sasaran, manakala *Google Translate* cenderung mengekalkan bentuk asal bahasa sumber secara literal. Hal ini menunjukkan bahawa teknik dan kaedah terjemahan memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti serta kesepadanan makna terjemahan ayat al-Quran, khususnya yang melibatkan kolokasi bahasa Arab.

ii. Surah As-Saf Ayat 4

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُنْيَانٌ مَرْصُورٌ ۖ

TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN	GOOGLE TRANSLATE
4. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agamanya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-oleh mereka <u>sebuah bangunan yang tersusun kukuh</u> .	4. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang gugur di jalan-Nya, yang tersusun dalam barisan yang teratur seakan-akan sebuah <u>bangunan yang kokoh</u> .

Perkataan (بُنْيَانٌ مَرْصُورٌ) dalam ayat ini merupakan kolokasi yang berbentuk الموصوف. Dua teks terjemahan ini menggunakan pendekatan terjemahan yang berbeza dimana kedua-dua penterjemah telah menterjemahkan kolokasi dengan makna yang berbeza. Namun, terjemahan Mahmud Yunus menterjemahkan perkataan (بُنْيَانٌ مَرْصُورٌ) kepada '**bangunan yang tersusun kukuh**' manakala Terjemahan Google Translate pula menterjemahkannya '**bangunan yang kokoh**'. "Tersusun kukuh" ialah kolokasi yang lebih melukiskan struktur fizikal dan tersusun, berbanding "kokoh" yang bersifat ringkas dan langsung. Terjemahan Pimpinan Ar-Rahman lebih menggambarkan konsep struktur yang kuat dan tersusun, sementara Google Translate hanya memfokuskan pada keteguhan (kokoh) sahaja, tanpa menonjolkan elemen susunan.

Secara keseluruhannya, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* menggunakan teknik **komunikatif dan tafsiran**, dengan penyesuaian konteks budaya dan agama dalam bahasa sasaran. Gaya bahasa yang digunakan juga lebih puitis dan berlapik. *Google Translate*, pula, menggunakan teknik **literal dan automatik**, yang menghasilkan terjemahan kolokasi secara harfiah tanpa memperhalusi makna mendalam atau konotasi linguistik. Ini membuktikan bahawa pendekatan tafsiran dalam terjemahan kolokasi amat penting bagi menjaga ketepatan dan keselarasan makna dalam teks keagamaan seperti al-Quran. Perkataan (بُنْيَانٌ مَرْصُورٌ) dalam ayat ini menunjukkan ketetapan hati

para pejuang di jalan Allah seperti bangunan (Sriana, 2020). Sebahagian ulama menjelaskan dua perkataan tersebut menunjukkan Aqidah yang kukuh. Kesimpulannya, pengkaji mencadangkan supaya kedua-dua terjemahan menghuraikan sedikit tafsiran berkaitan bangunan itu diibaratkan sebagai iman yang teguh supaya makna boleh difahami dengan baik oleh pembaca.

iii. Surah At- Tuur Ayat 4

وَالْبَيْتِ الْمَعْمُورِ ۝

TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN	GOOGLE TRANSLATE
4. Dan demi 'Al-Baitul Ma'muur'.	4. Dan dewan

Perkataan (وَالْبَيْتِ الْمَعْمُورِ) dalam ayat ini merupakan kolokasi الصفة الموصوف. Dua teks terjemahan ini menggunakan pendekatan terjemahan yang berbeza dimana kedua-dua terjemahan telah menterjemahkan kolokasi dengan makna yang berbeza dari sudut pemilihan perkataan. Namun, terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menterjemahkan perkataan وَالْبَيْتِ الْمَعْمُورِ kepada 'Dan demi "Al-Baitul Ma'muur' dengan mengekalkan perkataan bahasa sumber dan menterjemahkan perkataan dengan makna yang tepat tanpa perubahan besar dalam bentuk atau makna. Terjemahan ini lebih kepada **terjemahan tafsiran** di mana istilah Arab tersebut tidak diubah tetapi diterangkan maknanya dalam konteks yang lebih mendalam, berasaskan pemahaman agama. Terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman juga menjelaskan Baitul Makmur adalah rumah Suci di langit, tempat malaikat beribadat, yang terletak betul-betul di atas *Baitullah di Tanah Suci Makkah Al- Mukarramah*. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman lebih mengekalkan terjemahan dari konteks agama.

Lantaran itu, Google Translate menterjemahkan (وَالْبَيْتِ الْمَعْمُورِ) dengan makna '**dan dewan**'. Google Translate hanya menerjemahkan secara literal merujuk kepada bilik besar atau ruang, yang dalam konteks ini tidak membawa makna yang sama seperti Al-Baitul Ma'muur. tanpa ada penjelasan berkaitan dewan. Oleh itu, terjemahan Google Translate tidak mengekalkan makna teks asal dan tidak mengambil kira konteks budaya dan keagamaan dan hanya menterjemahkan istilah tersebut secara literal. Dewan boleh merujuk kepada ruang besar atau dewan pertemuan, yang tidak ada hubungan langsung dengan "Al-Baitul Ma'muur" yang merujuk kepada rumah suci di langit. Hal ini menyebabkan kesukaran untuk difahami oleh pelbagai masyarakat di dunia.

Secara kesimpulannya, kedua-dua terjemahan ini adalah pendekatan yang digunakan. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman mengekalkan istilah **Al-Baitul Ma'muur** dalam bentuk asalnya dan memberikan tafsiran yang tepat dalam konteks agama, sementara *Google Translate* memberikan terjemahan yang jauh lebih umum dan tidak sesuai dengan konteks sebenar, iaitu "**Dewan**". Perbezaan ini menggambarkan betapa pentingnya konteks budaya dan agama dalam memilih teknik terjemahan yang tepat, terutama apabila melibatkan istilah yang mempunyai makna khusus dalam tradisi keagamaan Islam.

iv. Surah An-Nisa Ayat 40

إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ ۖ وَإِنْ تَكُ حَسَنَةً يُضْعِفْهَا وَيُؤْتِ مِنْ لَدُنْهُ أَجْرًا عَظِيمًا ۝٤٠

TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN	GOOGLE TRANSLATE
40. Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiya (seseorang) <u>sekali pun seberat zarrah (debu)</u> . Dan kalaulah (amal yang	40. Sesungguhnya Allah tidak menzalimi <u>seberat zarrah</u> pun, dan jika ia kebaikan,

seberat zarrah) itu amal Kebajikan, nescaya akan menggandakannya dan akan memberi, dari sisiNya, pahala yang amat besar.	niscaya Dia akan melipatgandakannya dan memberi pahala yang besar dari sisi-Nya.
--	--

Perkataan (مِثْقَالِ ذَرَّةٍ) dalam ayat ini merupakan kolokasi *Idhofah*. Dua teks terjemahan ini menggunakan pendekatan terjemahan yang bebeza dimana kedua-dua terjemahan telah menterjemahkan kolokasi dengan makna yang berbeza dari sudut pemilihan perkataan dan huraian. Terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menterjemahkan perkataan (مِثْقَالِ ذَرَّةٍ) kepada 'sekalipun seberat zarrah debu' manakala pula Google Translate menterjemahkannya 'seberat zarah'. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman memberikan penjelasan tambahan dalam bentuk "debu" untuk memudahkan pembaca memahami betapa kecilnya zarrah (partikel yang sangat halus, seperti debu), yang menunjukkan usaha untuk memastikan konteks dan makna lebih jelas. Manakala, Google Translate menggunakan terjemahan literal dengan hanya menyebut "seberat zarah", yang lebih pendek tetapi kurang memberi konteks kepada pembaca mengenai makna zarrah secara mendalam.

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman" lebih kepada terjemahan tafsiran yang mengutamakan pemahaman mendalam terhadap makna ayat. Dalam hal ini, terjemahan bagi perkataan "zarrah" yang diterjemahkan sebagai "seberat zarrah (debu)" memberikan konteks yang lebih baik kepada pembaca, terutamanya yang mungkin tidak familiar dengan istilah tersebut. Dengan menambah penjelasan berupa "debu", ia membantu memperjelas maksud bahawa zarrah merujuk kepada sesuatu yang sangat kecil, serupa dengan partikel debu yang hampir tidak kelihatan. Sebaliknya, Google Translate lebih mengutamakan pendekatan literal, dengan menterjemahkan "zarrah" sebagai "zarah" tanpa sebarang penjelasan tambahan. Walaupun terjemahan ini adalah bentuk langsung dari bahasa asal, ia tidak memberikan gambaran yang jelas mengenai makna zarrah dalam konteks ayat tersebut, yang boleh menyebabkan kekeliruan kepada pembaca yang tidak memahami istilah tersebut dengan baik. Dengan kata lain, terjemahan literal dalam Google Translate mungkin gagal untuk memberikan pengertian yang mendalam berbanding dengan pendekatan tafsiran yang digunakan oleh Tafsir Pimpinan Ar-Rahman."

Kesimpulannya, Ibn Kathir dalam kitabnya menjelaskan bahawa Allah tidak akan menyembunyikan amal perbuatan atau penglihatan-Nya, walaupun sesuatu itu sangat kecil sekalipun di langit dan bumi, dan Allah tidak akan lalai dengan amal ibadat makhluknya walaupun amal baiknya adalah kecil seperti zarrah.

v. Surah Qaaf Ayat 16

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِ نَفْسُهُ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ ١٦

TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN	GOOGLE TRANSLATE
16. Dan demi sesungguhnya Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, sedang (pengetahuan) Kami lebih dekat kepadanya dan <u>urat lehernya</u> .	16. Kami telah menciptakan manusia dan mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, dan Kami lebih dekat kepadanya daripada <u>urat lehernya</u> .

Perkataan (حَبْلِ الْوَرِيدِ) dalam ayat ini merupakan kolokasi dalam kategori *Idhofah*. Dua teks terjemahan ini menggunakan pendekatan terjemahan yang sama dimana kedua-dua terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dan Google Translate menterjemahkan perkataan ini dengan makna 'urat lehernya'. Dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, istilah "urat lehernya" digunakan tanpa tambahan kata "daripada", memberikan kesan bahawa Allah lebih dekat dan tidak terhad kepada

satu batasan. Google Translate menggunakan "daripada urat lehernya", yang memberi penekanan pada kedekatan tetapi dalam bentuk yang lebih perbandingan. Ini memberi kesan perbezaan dalam cara Allah lebih dekat daripada apa yang dianggap sebagai batasan fizikal manusia.

Perkataan (حَبْلِ الْوَرِيدِ) adalah dimasukkan salah satu urat iaitu pembuluh darah. Ini menunjukkan begitu dekatnya sehingga manusia tidak dapat merasakannya. Dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menerangkan ayat berkaitan setiap manusia adalah ciptaan Allah, dari segala gerak geri dan tutur katanya diketahui Allah dan ditulis oleh Malaikat. Oleh demikian, terjemahan Google Translate tidak memberi penjelasan yang mendalam berkaitan '**urat lehernya**' yang dimasukkan dalam ayat. Ini menyebabkan makna yang diterjemahkan kurang jelas untuk pembaca. Selain itu, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menggunakan gaya bahasa yang lebih mendalam dan kontekstual manakala Google Translate menggunakan terjemahan literal yang lebih mudah difahami secara langsung tetapi kurang menekankan kedalaman dan keistimewaan konteks ayat tersebut.

Kesimpulannya, terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman lebih melibatkan penekanan konteks spiritual dan psikologi. Manakala, Terjemahan ini lebih langsung dan literal, menggunakan ungkapan yang lebih mudah difahami tetapi kurang memberi kesan mendalam dalam konteks keagamaan. Selain itu, terjemahan *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* lebih menekankan kedekatan rohani dan mutlak yang lebih menyentuh perasaan pembaca, sementara *Google Translate* cenderung kepada terjemahan langsung yang lebih mudah difahami tetapi kurang menggali makna mendalam.

KESIMPULAN

Kolokasi adalah fenomena linguistik yang dijumpai dalam semua bahasa. Kolokasi adalah kombinasi antara dua makna yang berlainan tetapi memiliki hubungan antara satu sama lain. Kemahiran menggunakan elemen kolokasi sangat diperlukan dalam aktiviti terjemahan. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua terjemahan menterjemahkan kolokasi dengan kaedah yang berbeza, terutamanya dalam konteks ayat, Google Translate menghadapi kesukaran yang menyebabkan terjemahan sukar difahami oleh pembaca sasaran. Oleh itu, seorang pembaca sasaran tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada mesin penterjemah, sebaliknya mereka perlu merujuk kepada terjemahan manusia, seperti tafsir dan kitab-kitab muktabar sebagai rujukan. Ini adalah kerana untuk menterjemahkan kolokasi, penterjemah perlu menguasai bidang linguistik, termasuk nahu dan sarf, agar tafsiran dan huraian yang diberikan dapat membantu pembaca memahami dengan lebih jelas. Justeru, pengkaji mencadangkan supaya pembaca al-Quran lebih merujuk makna dalam tafsir berbanding Google Translate. Ini adalah kerana Google Translate kurang dijadikan rujukan dari sudut memahami struktur kalimat (sintaksis) dan makna (semantik) secara lebih mendalam. Pengkaji turut mencadangkan agar pengkaji akan datang dapat menjalankan kajian perbandingan kolokasi Google Translate dengan terjemahan mesin yang lain seperti DeepL, Microsoft Translator, iTranslate, Yandex.Translate, Reverso, Bing Translator dan sebagainya.

RUJUKAN

Ab Rahman, A. H., Ahmad, M., Mat Salleh@Md Nor, M., & Adnan, H. G. (2022). Cabaran dan sumbangan penterjemahan dalam memperkasa bahasa Melayu di peringkat antarabangsa. *Jurnal Pengajian Melayu*, 33(2), 63-82.
<https://doi.org/10.22452/jomas.vol33no2.4>

- Abu al-Rabb, M. A. S. (2017). Al-Mutalazimat al-Lafziyyah. *IUG Journal of Humanities Research*, 25(1).
- Abdullah, N. (2015). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan terhadap kesepadanan terjemahan kata ganti nama diri Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS*, 21.
- Al Sughair, Y. (2007). The translation of lexical collocations in literary texts. *Master's Thesis, College of Arts and Sciences, University of Sharjah, UAE*.
- Faezah, N., Ayob, M., Mohamad, H., Moden, F. B., & Komunikasi, D. (n.d.). Perbandingan terjemahan manusia dengan terjemahan mesin dalam buku *Fitness 24/7* (A comparison between human translation and machine translation in *Fitness 24/7*).
- Ghazala, H. (2007). *Qamous dar el ilm lilmutalazimat al lafziah qamous shamel inklizi-arabi*. https://www.researchgate.net/publication/309286301_Dar_El-Ilm_Dictionary_of_Collolocations_English-Arabic_1535_pages
- Hafiz Bakar, M. (2012). Terjemahan kata kerja berpereposisi Arab-Melayu dalam kitab *Mustika Hadis Rasulullah S.A.W*. Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Hatim, B., & Munday, J. (2004). *Translation: An advanced resource book*. Routledge.
- Hj Md Yunos, I. N., Yaakub, M. B., & Haji Sismat, M. A. (2023). Kajian perbandingan penterjemahan kata nama Arab-Melayu menggunakan 'Google Translate' dan 'Microsoft Bing.' *Asian People Journal (APJ)*, 6(2), 203–211. <https://doi.org/10.37231/apj.2023.6.2.402>
- Jurnal, D., Sastra, B., Bahasa, P., & Tambunsaribu, G. (n.d.). Ketepatan terjemahan kolokasi bahasa Inggeris ke dalam bahasa Indonesia menggunakan Google Translate. <https://www.researchgate.net/publication/357924254>
- Naimah Abdullah et al. (2009). Terjemahan wacana agama Arab-Melayu. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12*.
- Newmark, P. (1988). *A textbook of translation*. Prentice Hall.
- Norsyazwan Muhammad Alhad, S. N. S. A., & M. Zulkifli Ismail. (2021). View of masalah penterjemahan kolokasi Arab dalam *Kalilah Wa Dimnah*. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/74/68>